



SIARAN MEDIA

PENYERTAAN MALAYSIA DI 13TH CHINA–ASEAN MINING COOPERATION CONFERENCE (CAMCC) 2025

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim mengetuai delegasi Malaysia ke The 13th China-ASEAN *Mining Cooperation Conference* (CAMCC) yang diadakan di Nanning, China pada 22 hingga 24 Mei 2025. Acara berkenaan merupakan acara tahunan bagi sektor perlombongan sejak tahun 2010.

Semasa menyampaikan ucapan tama pada majlis pembukaan persidangan, beliau menyentuh bahawa Malaysia menyokong integrasi yang lebih menyeluruh di bawah *Belt and Road Initiative* (BRI) bagi membangunkan sumber mineral secara mampan melalui integrasi serantau untuk kemakmuran bersama.

Penyertaan dalam The 13th CAMCC 2025 bermanfaat dalam membantu pihak industri perlombongan Malaysia merebut peluang untuk menarik pelaburan dari China. Di samping itu, ia juga dapat meluaskan jaringan hubungan antara pihak industri dan mewujudkan peluang pelaburan dalam sektor mineral di negara China dan ASEAN.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, YBhg. Datuk Zamri bin Ramli, Presiden Dewan Perlombongan Malaysia, YBhg. Dato' Seri Mohd Ajib Anuar, agensi kerajaan negeri, Khazanah Nasional Berhad dan penggiat industri.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
23 MEI 2025

